

Headline	Skuad bersepadu khas elak risiko rasuah di MAQIS		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	08 Mar 2021	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Nasional	Color	Black/white
Page No	6	ArticleSize	243 cm ²
AdValue	RM 4,112	PR Value	RM 12,337



Skuad bersepadu khas elak risiko rasuah di MAQIS

Kuala Lumpur: Penguatkuasaan secara bersepadu antara agensi dan pihak berkuasa berbanding tindakan secara 'solo' bukan sahaja lebih menyeluruh dan berkesan, malah mampu mengelak gejala rasuah atau salah guna kuasa.

Penganalisis jenayah, Datuk Shahul Hamid Abdul Rahim, berkata meskipun pindaan Akta MAQIS 2011 (Akta 728) mampu memperkukuh kuasa bertindak Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), usaha strategik masih perlu digembleng antara agensi penguatkuasaan lain.

Beliau mencadangkan skuad bersepadu khas antara agensi dibentuk bagi menggerakkan operasi penguatkuasaan bersama MAQIS, selain masing-masing dapat berfungsi sebagai 'mata dan telinga', terutama membendung isu rasuah.

"Agensi penguatkuasaan yang lain boleh membantu MAQIS misalnya untuk tangani isu penyeludupan. Polis Diraja Malaysia (PDRM) ada kuasa. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) ada kuasa. Mungkin MAQIS boleh bekerjasama dengan mereka.

"Apabila 'bersendirian', mendedahkan pegawai MAQIS sendiri dengan isu rasuah yang akhir-akhir ini banyak berlaku.

"Jika bersama agensi penguatkuasaan lain, mungkin rasuah tak berlaku kerana ada pihak lain boleh memerhati atau memantau. Saya cadangkan kepada semua agensi penguatkuasaan menjalankan operasi bersama kalau ada kes," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Ketua Pengarah MAQIS, Saiful Yazan Mat Alwi, mengenai pindaan Akta 728 supaya dikaji semula

khususnya mengenai dua isu iaitu kuasa dan perjawatan agensi berkenaan.

Dua isu berkenaan dikatakan menjadi punca konon berlaku penyeludupan disebabkan kekurangan pegawai di pintu masuk, selain kuasa hanya terhad di pintu masuk, stesen kuarantin MAQIS dan premis kuarantin swasta yang diisytiharkan.

Sebagai langkah membendung penularan gejala rasuah dalam agensi penguatkuasaan, Shahul Hamid menggesa pegawai ditukar lebih kerap setiap enam bulan atau setahun sekali ke jabatan lain atau cawangan negeri.

"Dulu, kerajaan kerap tukar pegawai. Apabila kerap bertukar, sudah pasti mereka tak lama di satu-satu bahagian, maka rasuah pun berkurangan.

"Apabila pegawai berkhidmat di tempat itu terlalu lama, pihak lain dan orang pun kenal. Maksudnya, ada 'lubang' untuk jalankan kegiatan tertentu," katanya.

Pakar Kriminologi Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial (SAPSP), Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr Zalmizy Hussin, pula berpendapat kerjasama lautan biru antara pelbagai agensi dan penubuhan skuad khas langkah tepat dalam mendepani isu bukan sekadar membabitkan kartel daging saja.

Beliau berpandangan, langkah MAQIS menguatkuasakan undang-undang sangat tidak wajar kerana agensi itu memerlukan bantuan kepakaran daripada agensi lain seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), PDRM, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).